

SANTAPAN MINGGUAN ANDA

SOLAT

Subuh5.27
Syuruk6.48
Zuhur12.50
Asar4.12
Maghrib6.51
Isyak8.03

BIM

Ahad 13 November 2011 (17 Zulhijjah 1432)
MICA (P) 073/11/2010 <http://cyberita.asia1.com.sg> 60 SEN

BERITA MINGGU

Sabah penerbitan Singapore Press Holdings

14 **BIM** AHAD 13 NOVEMBER 2011

FOKUS

KIAN RAMAI LELAKI DIRAWAT SUPAYA LEBIH KACAK

Kes kematian seorang lelaki akibat rawatan 'liposuction' di sebuah klinik di sini baru-baru ini tidak menakutkan kaum lelaki yang semakin ramai mendapatkan pembedahan plastik



KERJANYA sepanjang 20 tahun lalu memerlukan beliau bertemu dengan klien berbilang bangsa – kebanyakan mereka warga negara asing yang berpengarah.

Semasa mula-mula bekerja selaku ejen perumahan privet, Enck Mahat (bukan nama sebenar) dapat merasakan keyakinan yang begitu tinggi setiap kali bertemu setiap kliennya.

Sehinggalah secara purata beliau sanggup menghabiskan sehingga 15 jam bekerja dalam sehari.

Malangnya, lama-kelamaan keyakinan itu mula pudar. Bukan kerana beliau mula menjadi malas.

Sebaliknya, Enck Mahat yang kini berusia 45 tahun berasa wajah dan tubuhnya yang kelihatan lebih tua daripada usianya yang sebenar telah menjejaskan pakejannya.

"Saya lihat bahagian mata saya mula mengkung dan ada lilitan hitam, selain kedutan-kedutan kecil. Mungkin akibat tekanan di tempat kerja, selain memenuhi tanggungjawab di rumah, saya lihat wajah saya sering penat."

"Lebih teruk lagi wajah dan tubuh saya semakin tua daripada usia saya yang sebenar," jelas bapa dua anak itu lagi.

Lantaranimbang akan masa depannya, Enck Mahat mengambil keputusan untuk mendapatkan rawatan pembedahan kosmetik dan plastik bagi mengatasi masalah itu dengan lebih pantas.

Dalam tempoh tiga tahun, Enck Mahat yang enggan nama dan wajahnya disiarkan telah membelanjakan sehingga \$20,000 bagi prosedur seperti pembedahan menghilangkan lilitan hitam dan kedutan pada sebelah matanya menerusi prosedur estetik.

Tinjauan akhir ini ke atas beberapa pakar bedah plastik dan hospital menunjukkan bahawa trend rawatan dan prosedur kosmetik di kalangan kaum Adam telah meningkat sejak lima tahun lalu.

Ketua dan Konsultan Kanan Divisyen Plastik, Pembentukan Semula dan Pembedahan Estetik di Hospital Universiti Nasional (NUH), Profesor Bersekutu Lim Thiam Chye, berkata pihaknya menerima antara 10 dengan 20 lelaki sebulan yang datang untuk mendapatkan rawatan.

Angka itu, katanya, lebih tinggi berbanding lima pesakit lelaki yang diterimanya setiap bulan sekitar lima tahun lalu.

"Di kalangan lelaki, pembedahan kelopak mata – bahagian atas dan bawah – serta rawatan liposuction (penyedutan lemak) merupakan dua jenis prosedur yang popular," katanya.

Selain itu prosedur suntikan botox dan prosedur filler atau bahan pengisi kimia berupa gel sintetik yang disuntik ke bahagian bawah kulit juga semakin menjadi trend di kalangan lelaki masa kini.

Seperti yang dikatakan oleh Dr Marco Faria Correa daripada Dr Marco Faria Correa Plastic Surgery Pte Ltd, yang mendapati bahawa prosedur tersebut dianggap antara yang paling popular kerana boleh membuat seseorang kelihatan muda dalam tempoh yang singkat.

Secara keseluruhannya, beliau mendapati bahawa trend rawatan dan pembedahan kosmetik di kalangan lelaki telah meningkat sehingga 30 peratus berbanding lima tahun lalu.

Penduduk Tetap (PR) asal Brazil itu yang telah mencubai bidang ini sejak 30 tahun lalu juga menyebut prosedur seperti liposuction di bahagian perut dan dada akan tetap popular, meskipun baru-baru ini terdapat kes kematian melibatkan prosedur tersebut di sebuah klinik rawatan am di sini.

"Trend rawatan dan pembedahan plastik akan tetap meningkat meskipun ada kes itu. Ini kerana rawatan dan pembedahan sedemikian bukan sekadar melibatkan warga setempat, malah ramai juga warga asing yang masuk ke mari untuk mendapatkannya di sini," jelasnya.

Dalam kejadian rawatan yang membawa maut itu, Enck Franklin Heng, 44 tahun, meninggal dunia setelah ke sebuah klinik di Orchard Road dan bertemu Dr Jim Wong, 36 tahun, pada 30 Disember 2009 bagi satu operasi menyedut lemak di bahagian belakang dan perutnya serta mengalihkan sebahagian daripadanya ke dadanya.

Satu autopsi mendapati bahawa kematiannya disebabkan beberapa kebocoran pada usus perutnya semasa berlangsung prosedur liposuction itu.

Justeru, penerangan yang menyeluruh akan sentiasa diberikan kepada pesakit sebelum mereka melalui prosedur sedemikian, kata doktor estetik Eden Medical Aesthetics, Dr Ashraf S. Elyyas.

"Kami perlu menerangkan kepada mereka risiko di sebuah prosedur dan pembedahan sedemikian. Bukan untuk menakutkan mereka, tapi agar mereka berfikir dengan lebih mendalam selain lebih bersedia sebelum melaluinya," katanya.

Profesor Colin Song, yang merupakan Ketua dan Konsultan Kanan di Jabatan Plastik, Pembentukan dan Pembedahan Estetik di Hospital Besar Singapura (SGH), menyatakan bahawa risiko yang biasa dilihat di kalangan pesakit lelaki adalah rasa sakit dan tidak selesa.

Malah, Profesor Bersekutu Lim Thiam Chye dari NUH berkata pihaknya mengesahkan tentang risiko seperti kebutaan, menjadi buta, jangkitan, lebam dan pendarahan, selain kecederaan lain di kalangan pesakit.

Meskipun begitu, Konsultan Pakar Bedah Plastik di Sloane Clinic Plastic Surgery Centre, Dr Tan Ying Chien, mendapati rata-rata kaum Adam masih tetap tenang dan mudah menerima keterangan apabila diterangkan tentang semua risiko tersebut.

"Mereka seolah-olah cepat menerima dan bersedia selain lebih berani menerima risiko selepas diberi keterangan," katanya.

BERIKUT ADALAH ANTARA PROSEDUR KOSMETIK YANG MENJADI PILIHAN KAUM ADAM

- KEPALA**
Prosedur: Pemindahan rambut
Kos: Sekitar \$10,500
Risiko: Jangkitan atau rambut gagal tumbuh dengan baik dan gugur
- MATA**
Prosedur: Botox
Kos: Antara \$600 dengan \$1,000
Risiko: Kelopak mata sukar dibuka dan ditutup atau penglihatan menjadi kabur
- BAWAH MATA**
Prosedur: Pembedahan
Kos: Antara \$3,000 dengan \$10,000
Risiko: Pendarahan
- DADA**
Prosedur: Implan dada
Kos: Antara \$6,500 dengan \$9,000 tetapi hampir tidak pernah dilakukan di sini
Risiko: Jangkitan dan bahan implan boleh berpindah ke bahagian lain
- PERUT**
Prosedur: Liposuction definitif tinggi
Kos: Antara \$4,000 dengan \$7,000
Risiko: Pendarahan
- ZAKAR**
Prosedur: Suntikan isian (filler)
Kos: \$1,000 ke atas
Risiko: Jangkitan
Prosedur: Suntikan lemak
Kos: \$3,000 ke atas
Risiko: Jangkitan
Prosedur: Implan (Diakukan hanya oleh pakar urologi)
Kos: Tidak diketahui
Risiko: Parut dan boleh menyebabkan kecacatan
- BETIS**
Prosedur: Implan
Kos: Antara \$4,000 dengan \$8,000 tetapi hampir tidak pernah dilakukan di sini
Risiko: Jangkitan dan bahan implan boleh berpindah ke bahagian lain
- KEPALA**
Prosedur: Pemindahan rambut
Kos: Sekitar \$10,500
Risiko: Jangkitan atau rambut gagal tumbuh dengan baik dan gugur
- HIDUNG**
Prosedur: Implan
Kos: Antara \$3,000 dengan \$7,000
Risiko: Lebam dan jangkitan
- DAGU**
Prosedur: Implan
Kos: Antara \$3,000 dengan \$7,000
Risiko: Lebam dan jangkitan
- BISEP**
Prosedur: Implan
Kos: Antara \$6,500 dengan \$9,500 tetapi hampir tidak pernah dilakukan di sini
Risiko: Jangkitan dan bahan implan boleh berpindah ke bahagian lain
- PUNGGUNG**
Prosedur: Implan
Kos: Tidak diketahui
Risiko: Jangkitan

Sumber: Maklumat dikongsi Doktor Estetik di Eden Medical Aesthetics, Dr Ashraf S. Elyyas

Grafik: MOHD SAMAD AHMED

Meskipun begitu, Konsultan Pakar Bedah Plastik di Sloane Clinic Plastic Surgery Centre, Dr Tan Ying Chien, mendapati rata-rata kaum Adam masih tetap tenang dan mudah menerima keterangan apabila diterangkan tentang semua risiko tersebut.

"Mereka seolah-olah cepat menerima dan bersedia selain lebih berani menerima risiko selepas diberi keterangan," katanya.